


WBS
WANITA BERDAYA SELANGOR

# LAPORAN USAHANITA DIGITAL 2025

Rakan Kolaborasi

MBI Sidec Yayasan Peneraju Hijrah Selangor SpriiCommerce

# ISI KANDUNGAN


PRAKATA
YANG BERHORMAT EXCO PEMBANGUNAN WANITA &
KEBAJIKAN MASYARAKAT 03

KATA ALUAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
WANITA BERDAYA SELANGOR (WBS) 05

PENGENALAN USAHANITA DIGITAL 07

PELAKSANAAN USAHANITA DIGITAL 08

MAJLIS PELANCARAN DAN
BENGKEL LATIHAN ASAS 10

BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI 12

BAZAR USAHANITA DIGITAL 14

81 PESERTA BAZAR USAHANITA DIGITAL 17

*PITCHING* USAHANITA DIGITAL 23

SENARAI 10 FINALIS USAHANITA DIGITAL 27

LAMAN SESAWANG 10 FINALIS 28

SOROTAN USAHANITA DIGITAL 38

SEKALUNG PENGHARGAAN 39

SEKRETARIAT USAHANITA DIGITAL 40




# PRAKATA
# YANG BERHORMAT
# EXCO PEMBANGUNAN WANITA & KEBAJIKAN MASYARAKAT

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,
Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya,
Program Insentif Digital Media Usahanita Muda (Usahanita Digital) telah memasuki dua tahun tempoh pelaksanaannya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Wanita Berdaya Selangor (WBS) sebagai agensi pelaksana utama yang telah bertungkus-lumus menjayakan inisiatif ini. Tidak dilupakan juga kepada para wanita usahawan Negeri Selangor yang telah menunjukkan semangat dan komited yang tinggi dalam mengharungi perjalanan program untuk memperkasakan diri dalam era digital.

Usaha ini merupakan manifestasi komitmen Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkukuh peranan wanita sebagai pemacu ekonomi digital. Dalam dunia yang semakin dipacu oleh teknologi, adalah penting untuk memastikan wanita tidak ketinggalan, malah menjadi peneraju dalam bidang keusahawanan moden.

Saya percaya bahawa dengan ilmu, sokongan dan jaringan yang luas, wanita mampu melonjakkan potensi perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi.
Tambahan pula, program ini bukan sahaja membuka ruang kepada pembangunan kapasiti, tetapi juga menjadi platform untuk membina keyakinan dan daya saing dalam pasaran global.



**YANG BERHORMAT**
**PUAN ANFAAL BINTI SAARI**

# PRAKATA
# YANG BERHORMAT
# EXCO PEMBANGUNAN WANITA & KEBAJIKAN MASYARAKAT

Tentu sahaja peluang ini tidak akan terhenti di program ini, bagi yang kurang bernasib baik, usah berputus asa, percaya bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan sentiasa memainkan tanggungjawab dalam menyediakan pelbagai usaha untuk memberikan manfaat kepada usahawan wanita muda di Negeri Selangor khususnya.

Akhir kalam, sekalung tahniah kepada semua pemenang yang bukan sahaja menerima manfaat yang cukup bernilai menerusi program ini. Semoga segala usaha perniagaan puan-puan diberkati dan menemui kejayaan!

Sekian, terima kasih.

Selangor, Maju Bersama!

# KATA ALUAN
# KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF WANITA BERDAYA SELANGOR



**PUAN SITI FARIDAH BINTI ABDUL SAMAD**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam Malaysia Madani.
Salam Kita Selangor.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan rezeki untuk sekali lagi pelaksanaan Program Insentif Digital Media Usahanita Digital yang telah memasuki kohort Ke-2.

Insentif yang telah bermula dari tahun 2024 dengan nama USAHAWANITA telah diberikan penjenamaan semula pada tahun 2025 sebagai USAHANITA DIGITAL dengan membawa identiti lebih segar dan selari dengan transformasi digital usahawan wanita.

Sekalung penghargaan dan setinggi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan Yang Berhormat Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat kerana sekali lagi memberikan kepercayaan dan tanggungjawab kepada Wanita Berdaya Selangor (WBS) untuk mengemudi sebuah lagi usaha Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan wanita muda bukan sahaja dalam aspek pemasaran secara digital malah memberikan peluang kepada peserta untuk membina jaringan yang lebih luas bersama pemain industri dan pelbagai agensi Kerajaan yang lain.

USAHANITA DIGITAL memberikan sokongan kepada wanita yang berminat untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan menyediakan latihan dan bimbingan bagi meningkatkan kreativiti, kemahiran teknikal dan pemikiran inovatif dalam pelbagai aspek media digital. Selain itu, program ini juga dapat memberikan pendedahan kepada golongan usahawan wanita muda tentang trend teknologi terkini dan aplikasi yang berkait dengan e-dagang dan pemasaran digital. Program ini bermula dengan pencarian peserta pada awal bulan Februari sehingga Mac 2025. Seramai 200 orang telah mengemukakan permohonan dan melalui lima fasa dengan pelbagai tapisan bagi menuju ke Majlis Ikon Usahanita Digital yang berlangsung pada Julai 2025.

# KATA ALUAN
## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF WANITA BERDAYA SELANGOR

Selaras dengan Matlamat 7,
Dasar Wanita & Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026,
Memupuk Bakat Kreatif, Berdaya Digitalisasi & Inovasi, WBS komited bertindak sebagai agensi pelaksana bertanggungjawab dalam melaksanakan Program Usahanita Digital selain memastikan penghasilan produk dari akar umbi akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk tujuan penilaian dan penambahbaikan seiring dengan perubahan teknologi semasa.

Menerusi perjalanan program Usahawanita 2024, sebahagian kejayaan yang lepas adalah disebabkan penglibatan rakan strategik yang sangat baik dan sentiasa memberikan sokongan padu dan tanpa berbelah bagi. Sekali lagi untuk tahun 2025, WBS merakamkan setinggi penghargaan kepada empat rakan kolaborasi yang sangat komited iaitu Menteri Besar Incorporated (MBI) melalui Platform Selangor (PLATS), Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation (SIDEC), Yayasan Hijrah Selangor dan Yayasan Peneraju. Rakan kolaborasi bukan sahaja terlibat sepanjang tempoh pelaksanaan Usahanita Digital malah telah memberikan pelbagai buah pemikiran untuk membawa kelainan dan penambahbaikan bagi peserta tahun ini.

Saya percaya melalui kerjasama erat daripada rakan strategik yang mempunyai matlamat yang sama, program ini akan mampu melahirkan lebih ramai lagi usahawan wanita muda yang bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti kehidupan melalui penambahan penjanaan pendapatan, kemampuan untuk bersaing di peringkat nasional bahkan mampu bersaing dengan usahawan daripada luar negara baik dari segi produk mahupun perkhidmatan.

Akhir kata, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Program Usahanita Digital 2025.

Jumpa lagi!

# PENGENALAN USAHANITA DIGITAL

## LATAR BELAKANG

Program USAHANITA DIGITAL yang dilaksanakan oleh Wanita Berdaya Selangor adalah sebuah inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan keusahawanan wanita di negeri Selangor. Program ini memberikan sokongan kepada wanita yang berminat untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan menyediakan latihan dan bimbingan yang dapat meningkatkan kreativiti, kemahiran teknikal dan pemikiran inovatif mereka untuk mewujudkan perniagaan yang berjaya dalam pelbagai aspek media digital melalui program ini juga dapat memberikan pendedahan kepada golongan usahawan wanita muda tentang trend teknologi terkini dan aplikasi yang berkaitan dengan e-dagang dan pemasaran digital

💡 **Penjenamaan Baharu, Era Digital Baharu!**

USAHAWANITA (PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHAWANITA MUDA) kini dikenali sebagai USAHANITA DIGITAL (PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHANITA MUDA) membawa identiti lebih segar dan selari dengan transformasi digital usahawan wanita!

## OBJEKTIF

Mewujudkan kesedaran dalam kalangan wanita muda tentang program e-usahawan dan memberi peluang kepada bakal peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan tenaga pengajar e-usahawan yang mempunyai kepakaran dan berpengalaman.

Memberikan pendedahan kepada golongan usahawan wanita muda tentang trend teknologi terkini dan aplikasi yang berkaitan dengan e-dagang dan pemasaran digital.

Mengembangkan bakat dan kemahiran usahawan wanita muda di dalam mengendalikan perniagaan melalui digital media.



## PELAKSANAAN

# USAHANITA DIGITAL

Sesi Taklimat
Bengkel Pembangunan Kapasiti
(Atas talian)
**25 April 2025**

**FASA 1**
Perasmian & Bengkel Asas
(200 peserta)
**10 APRIL 2025**

**FASA 2**
Bengkel Pembangunan Kapasiti
(150 peserta)
**29 & 30 APRIL 2025**

**FASA 3**
Bazar USAHANITA DIGITAL
(100 peserta)
**25 MEI 2025**

**FASA 4**
Sesi Pitching
(50 peserta)
**28 JUN 2025**

**FASA 5**
Majlis Anugerah
IKON USAHANITA DIGITAL
(10 Finalis)
**10 JULAI 2025**

**1**
**IKON USAHANITA DIGITAL**






**Diharapkan dengan usaha ini boleh mewujudkan ekosistem perniagaan yang kukuh serta membangunkan usahawan wanita yang berdaya saing , kalis cabaran masa hadapan serta mampu berdiri teguh di peringkat antarabnngsa.**

**YB PUAN ANFAAL BINTI SAARI**
**EXCO Pembangunan Wanita & Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor**

# MAJLIS PERASMIAN DAN BENGKEL ASAS

**TARIKH: 10 APRIL 2025**

**LOKASI: DEWAN PERDANA , TINGKAT 2 , MARDHIYYAH HOTEL & SUITES, NO 5 PERSIARAN**




Majlis Pelancaran Usahanita Digital 2.0 merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasa usahawan wanita melalui latihan digital, kreativiti, dan pembangunan keusahawanan. Program ini disokong oleh Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI), Yayasan Peneraju, Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (SIDEC) dan Yayasan Hijrah Selangor.

Program ini menawarkan geran padanan, trofi pengiktirafan kepada 10 peserta terbaik, termasuk lawatan industri ke luar negara bagi Ikon Usahanita Digital. Dengan tempoh lima bulan dari Mac hingga Julai 2025, sebanyak 203 usahawan wanita telah dilatih dengan modul komprehensif merangkumi e-dagang, pemasaran digital, serta pembangunan laman web.

Majlis turut menyaksikan sesi menandatangani memorandum persefahaman bersama rakan kolaborasi dan gimik pelancaran sentuhan papan skrin LED. Sesi perkongsian bersama panel jemputan berkongsi pandangan mengenai strategi digital, pemasaran omnichannel, pemerkasaan wanita OKU, transformasi perniagaan, serta strategi jaringan AIDAR.

Antara tokoh panel yang hadir ialah En Tan Wei Kiat (AppEngage), En Fahmi Taib (SCOMA), Pn Nooraihan Che Li (BNG System), Dr Andrea Chow (ACETS), Dr Nurhidayah Roslan (DASC International), dan En Michael Solve (One Level Up Academy).

**226** Permohonan diterima

**203** Setelah ditapis mengikut kriteria yang ditetapkan

# SLOT BERSAMA PANEL

**SLOT 1: Sesi Perkongsian Bersama Panel dan IKON USAHAWANITA 2024**

Tuan Mohd Fahmi bin Dato' Haji Taib

**SLOT 2: Pengenalan Dunia E-Dagang dan Potensi Perniagaan**

Tuan Tan Wei Kiat & Puan Rita Murni

**SLOT 3: Perkongsian Usahawan Wanita - Dari Zero kepada Hero**

Dr Nurhidayah Roslan

**SLOT 4: Pengenalan Asas Laman Web, ChatGPT dan Canva**

Appengage Sdn Bhd

**SLOT 5: Strategi Kejayaan Dengan Pemasaran Menerusi Omnichannel : Kunci Pertumbuhan Perniagaan**

Dr Andrea Chow

**SLOT 6: Strategi Kejayaan Dengan Pemasaran Menerusi Omnichannel : Kunci Pertumbuhan Perniagaan**

Tuan Micheal Lim

**SLOT 7: Pemerkasaan dan Penglibatan Semangat Berpasukan Dalam Kejayaan Perniagaan**

Tuan Mohd Fahmi bin Dato' Haji Taib

# BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI USAHANITA DIGITAL

**Tarikh: 29 & 30 April 2025**
**Lokasi: Ballroom 1, Tingkat 4, Hotel Geno, Subang Jaya, Selangor.**

Bengkel Pembangunan Kapasiti Usahanita Digital telah dianjurkan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan peserta dalam bidang keusahawanan digital serta pembangunan perniagaan berasaskan teknologi. Program ini memberi penekanan kepada pendekatan praktikal, perkongsian pengalaman sebenar serta pendedahan kepada aplikasi digital terkini dalam dunia perniagaan.

## Hari Pertama

Program dimulakan dengan sesi bersama En. Tan Wei Kiat (AppEngage Sdn Bhd) yang membincangkan perkembangan semasa dalam trend e-dagang dan penggunaan Business Model Canvas sebagai alat strategik dalam merangka model perniagaan digital.

Seterusnya, peserta didedahkan kepada teknik copywriting laman web menggunakan teknologi AI (ChatGPT) dan kemahiran reka bentuk grafik melalui platform Canva. Sesi ini diikuti dengan perkongsian inspirasi daripada Puan Nooraihan Che Li, Ikon Usahanita 2024, yang membincangkan strategi menangani cabaran dalam dunia perniagaan digital.

Para peserta turut menjalani latihan membina laman web menggunakan SpriiCommerce serta diperkenalkan kepada penyelesaian logistik digital menerusi MyParcel Asia. Hari pertama ditutup dengan sesi pemasaran omni-channel yang disampaikan oleh Dr. Andrea Chow daripada ACETS Sdn Bhd.



# BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI USAHANITA DIGITAL

**Tarikh: 29 & 30 April 2025**
**Lokasi: Ballroom 1, Tingkat 4, Hotel Geno, Subang Jaya, Selangor.**

## Hari Kedua

Fokus hari kedua adalah kepada strategi kandungan laman web, dikendalikan oleh Pn. Ummi Noorhanifah Abdullah, diikuti sesi latihan menggunakan platform pembayaran senangPay bersama Pn. Rita Murni dari SimplePay Gateway.

Modul remarketing melalui WhatsApp pula telah dikendalikan oleh En. Michael Solve (One Level Up Academy), manakala kemahiran pembentangan berimpak tinggi menggunakan SPICED Framework disampaikan oleh En. Fahmi Taib (SCOMA).

Sebagai penutup, peserta mengikuti sesi praktikal mock pitching dan rakaman video, bertujuan meningkatkan keupayaan komunikasi, keyakinan serta keberkesanan penyampaian idea perniagaan secara visual dan profesional.






# BAZAR

## USAHANITA DIGITAL

*PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHANITA MUDA*

25 MEI 2025 | AHAD | 10.00 PAGI - 10.00 MALAM

Ground Floor, Central i-City Shah Alam

Rakan Kolaborasi

MBI Menteri Besar Selangor Incorporated · Sidec Chase Your Dreams · YAYASAN PENERAJU · HIJRAH SELANGOR

# BAZAR USAHANITA DIGITAL

**Tarikh: 25 Mei 2025**
**Lokasi: Kompleks Beli-Belah Central i-City, Shah Alam**

**Sorotan Program: Usahanita Digital 2025**
Bazar Usahanita Digital 2025 telah berlangsung dengan jayanya melibatkan pelbagai pengisian bermakna yang mempamerkan hasil usaha dan inovasi para usahawan wanita dalam bidang keusahawanan digital.

Penyertaan Peserta
Sebanyak 78 usahawan wanita terpilih telah menyertai program ini, masing-masing mempamerkan produk dan perkhidmatan yang dikembangkan melalui inisiatif digital. Setiap reruai dihias secara kreatif, lengkap dengan elemen digital seperti kod QR, laman web, serta media sosial perniagaan masing-masing, selaras dengan semangat transformasi digital yang diterapkan dalam program.

Perasmian & Lawatan Rasmi
Majlis telah dirasmikan oleh YB Puan Anfaal Binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Selesai majlis perasmian, beliau turut melakukan lawatan rasmi ke semua reruai, memberi ruang kepada para peserta untuk memperkenalkan produk, berkongsi cerita serta mendapatkan maklum balas secara langsung.



# PELAKSANAAN & SOROTAN

## BAZAR USAHANITA DIGITAL

### Sesi Penilaian (2.00 petang – 5.30 petang)

Sesi penilaian produk dan penyampaian dijalankan oleh panel profesional yang terdiri daripada 11 organisasi rakan strategik, termasuk:

- Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (SIDEC)
- Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI)
- Yayasan Peneraju
- Yayasan Hijrah Selangor
- SimplePay Gateway
- AppEngage

### Kriteria penilaian yang digunakan merangkumi aspek berikut:

- Keberkesanan pemasaran melalui laman web
- Kreativiti dan susun atur reruai
- Maklum balas pelanggan terhadap produk/servis
- Kualiti penyampaian jualan (self-pitching)

### Perkongsian Industri

Peserta turut mendapat manfaat daripada sesi perkongsian industri bersama pihak berpengalaman:

- Yayasan Hijrah Selangor berkongsi tentang peluang pembiayaan mikro dan latihan digital yang ditawarkan kepada usahawan.
- AppEngage turut mengadakan demonstrasi penggunaan platform e-dagang SpriiCommerce, memberikan panduan praktikal kepada peserta yang ingin mengembangkan operasi secara digital.

### Penutup Program

Program diakhiri dengan:

- Sesi fotografi rasmi bersama peserta dan pihak penganjur
- Operasi reruai diteruskan sehingga jam 9.00 malam bagi memberi peluang kepada pengunjung umum
- Program ditamatkan secara rasmi pada jam 10.00 malam

# 81 Peserta USAHANITA DIGITAL

PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHANITA MUDA 2.0



SITI MARIAM BINTI ELIAS

BOOTH UD01
MODACHI SDN BHD



NUR FATEHAH BINTI BASRAN

BOOTH UD02
GRITZ SDN BHD



RAJA NOR BAIZURA BT RAJA IDRIS

BOOTH UD03
SO CABAI SIGNATURE ENTERPRISE



QISTINA AMY NADIRAH BINTI RAMLI

BOOTH UD04
QISTINA SALES & MARKETING



WAN NORLIZA BT WAN BIDIN

BOOTH UD05
TIA ZALIKHA TRADING



TANTY MARLENA ABDULLAH

BOOTH UD06
HAUTTE MOLINZ



NURUL SYAFIKAH BINTI ALUN

BOOTH UD07
DRINKLA RESOURCES



AMANDA AYU ARDILLA BINTI RAMLI

BOOTH UD08
AMANDA SALES & MARKETING SDN BHD



ARMEILIA ATILLA BINTI MUHD ARIF

BOOTH UD09
PROSURV RESOURCES



AMELIA AMIRA BINTI SAADIN

BOOTH UD10
AMIRA DIEN WORLDWIDE EMPIRE @ ADWE GLOBAL



LIYANA BINTI SHARKAWI

BOOTH UD11
KYZER EMPIRE



JUMALIA BINTI JOHARI

BOOTH UD12
ADAPTABLE SKILLS & TRAINING VENTURES



NUR RENA CHIN MAY-LI

BOOTH UD13
INNER SPARK SOLUTION



HIDAYAH ABDUL KARIM

BOOTH UD14
AL HIDAYAH EXCLUSIVE ENTERPRISE



NURUL SHAMIRA BINTI MOHD ROSLI

BOOTH UD15
MBF ENTERPRISE

Rakan Kolaborasi

# 81 Peserta USAHANITA DIGITAL

PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHANITA MUDA 2.0



**NOOR IZWANI BINTI MOHD SALIM**

BOOTH UD16
IZ GLITZ EMPIRE



**NUR IZZA BINTI AZHAR**

BOOTH UD17
IXXADELIGHTS



**ZURAIHA BINTI AMBRI**

BOOTH UD18
AIGRID FUSION VENTURE



**SITI MASAYU BINTI JOHARA**

BOOTH UD19
GKMY GLOBAL



**ARIFAH BINTI AB WAHAB**

BOOTH UD20
NUSRA ASIA ENTERPRISE



**NURUL SYAHIDA BINTI HASSAN**

BOOTH UD21
SYAHIDA HASSAN ENTERPRISE



**NORHAFIZAH BINTI NOORIZANI**

BOOTH UD22
AKSARA INTERNATIONAL SDN BHD



**NUR IZWA FATIN BINTI MOHAMED FAWZI**

BOOTH UD23
ZHEO LAB (M) SDN BHD



**NASYITAH BINTI ADNAN**

BOOTH UD24
REALNASNIAGA



**NORZANAH BINTI TERMIJI**

BOOTH UD25
CR PRECIOUS KITCHEN



**ZANARIAH BINTI ABDULLAH**

BOOTH UD26
GOLD BUROQ GLOBAL



**MASTINAH MOHD SANI**

BOOTH UD27
AZAM MOTOR



**UMMU 'AFIFAH BINTI MAHAT SARING**

BOOTH UD28
RATNA DEWI RESOURCES



**NASRUL HAFIZAH BINTI MD ZAHIL**

BOOTH UD29
IZIHOME REALTY



**RINA BINTI MERDEKAI**

BOOTH UD30
RINA 86 ENTERPRISE

Rakan Kolaborasi



**HUSNA AMIRAH MENON**

BOOTH UD31
HAPPY HIVE SERDANG JAYA



**ALEYNA BINTI ALIM YATIM**

BOOTH UD32
CITRA DAMAI AUTO SDN BHD



**SITI HAWA BINTI ZAINAL ABIDIN**

BOOTH UD33
TUGRA RESOURCES



**MARYAM BINTI MOHD JAMADI**

BOOTH UD34
KIDSAURUS SDN. BHD.



**NUR AASIMA BINTI AHMAD**

BOOTH UD35
PINECO ENTERPRISES



**JURIAH JULAIHI**

BOOTH UD36
KEDAI MELISSA



**NADIATUL SYAFIQAH BINTI SUKAIMI**

BOOTH UD37
NADY NIAGA



**AIMA SUFITA BINTI JAKPAR**

BOOTH UD38
AIMA SUFITA BINTI JAKPAR



**NUR ALIFAH BINTI RAFIDI**

BOOTH UD39
AZEHRA THINKSTUDIO



**RAFIZAH BINTI MOHAMAD YUSOF**

BOOTH UD40
MEGA MEG SOLUTION (M) SDN BHD



**SHARIFAH ROSNANI**

BOOTH UD41
NS TAWAKAL SDN BHD



**NOOR HANIN BT SAHARUDIN**

BOOTH UD42
HANIN BAKERY ENTERPRISE



**SUZAINI BINTI DERIS**

BOOTH UD43
IRIS HEALTHCARE SDN BHD



**NAZZATUL ANNIS BT NASRUDDIN**

BOOTH UD44
SHEDEAR INSPIRE ENTERPRISE



**NURULHUDA BINTI MD AMIN @ SHAPII**

BOOTH UD45
INSPIRE THREE ENTERPRISE

# 81 Peserta USAHANITA DIGITAL

*PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHANITA MUDA 2.0*



SITI NURBAYU BINTI YUSOFF

BOOTH UD46
TADIKA INTEGRASI AL RIFAIE SDN BHD (FORMERLY KNOWN AS EDUTHERAPY SDN BHD)



NURUL EZZATI BINTI MOHAMED NASIR

BOOTH UD47
TEMAN MALAYSIA



NAZIRA BINTI AMRAN

BOOTH UD48
DELUNA ENTERPRISE



ERDA BINTI ABDUL GHANI

BOOTH UD49
JUNEDA ENTERPRISE



NORHAYATI BINTI ABDUL AZIZ

BOOTH UD50
RY TIE BEAUTY



ADZURAIHAN BINTI ABDULLAH

BOOTH UD51
ZURACOOKIES



FATIN NUR HIDAYAH BINTI MOHD SALEH

BOOTH UD52
SDF FOOTBALL CLUB



S ZULAIHA BINTI ABD JABAR

BOOTH UD53
SITI BAKE & KRAF ENTERPRISE



SITI NURUL AMALINA

BOOTH UD54
MATZAIN ENTERPRISE



SITI HAJAR BINTI BORHAN

BOOTH UD55
CEKUPALA EMPIRE



JULIANA BINTI ISMAIL

BOOTH UD56
PINK SPATULA BY JULIE ENTERPRISE



HAFIZAWATI BINTI AHMAD

BOOTH UD57
FIZZA KEK LAPIS SARAWAK & BAKERY



NUR AMIRA BINTI MOHD ALI ALUDDIN

BOOTH UD58
THE 37 ATOZ GLOBAL



NUR AZRA DAYANA BINTI AHMAD NIZAM

BOOTH UD59
AR RAYUAN EMPIRE



NOR FARAH FAZRITA BINTI JAMALUDIN

BOOTH UD60
KAY ELL ENTERPRISE

Rakan Kolaborasi

# 81 Peserta USAHANITA DIGITAL

*PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHANITA MUDA 2.0*



**NUR ASIAH BINTI KUZAIMAN**

BOOTH UD61
ASIAH KUZAIMAN ENTERPRISE



**NORAZUWATI BINTI ZAKARIA**

BOOTH UD62
AZ EMPIRE TRADING



**SITI SABRINA BINTI BAIN**

BOOTH UD63
BBENA 757 EMPIRE



**MAIMUNAH BABA**

BOOTH UD64
ULIK JEMARI ENTERPRISE



**ADIBAH BINTI NOR MOKLES**

BOOTH UD65
KC EDUTECH SDN BHD



**NOR MINAH BINTI SYAFRIAL**

BOOTH UD66
IDASYAF SDN BHD



**NORLIDA BINTI PARJOH**

BOOTH UD67
AIDA SAFIYA ENTERPRISE



**NURHAYATI BT AMRAN**

BOOTH UD68
DARWISY RIZQI MUMMY EMPIRE



**NOR AINI KAMARUDDIN**

BOOTH UD69
NKI DELICATESSEN ENTERPRISE



**SITI SYAIRAH MOHMED**

BOOTH UD70
KHAKI TECH ENTERPRISE



**NOORFARHAH BINTI MD DOM**

BOOTH UD71
LAGUNA Q RESOURCES



**THENMOLI A/P BALACHANDRAM**

BOOTH UD72
MOLLY COOKIES



**NUR KHALIDA BINTI MOHD KHALID KHAN**

BOOTH UD73
KASISETEL EMPIRE



**CHUA PEI YONG**

BOOTH UD74
TADIKA ERA ZARAH



**NOORUL SAKILA BINTI SAJA KHAN**

BOOTH UD75
SAKILA 139 MANAGEMENT

Rakan Kolaborasi

# 81 Peserta USAHANITA DIGITAL

*PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHANITA MUDA 2.0*



**NIK NAZZUA HANNA BT NIK MAT**

**BOOTH UD76**
**PUSAT TEKNOLOGI RETORT MALAYSIA RESOURCES**



**DAYANG NUR SAKINA BINTI ABDULLAH**

**BOOTH UD77**
**SURI CENDOL INTERPRISE**



**MASIDAH BINTI ABU BAKAR**

**BOOTH UD78**
**DDIAMOND BURGER**



**SITI RUQAIYAH BINTI HARUN**

**BOOTH UD79**
**RADH MADHAN TRADING**



**NURUL NABILAH BINTI MOHD IBRAHIM**

**BOOTH UD80**
**BEILA ZALILA ENTERPRISE**



**JAYALETCHUMI A/P YELLAPPAN**

**BOOTH UD81**
**YUASHINI ENTERPRICE**

Rakan Kolaborasi



# SESI PITCHING

## USAHANITA DIGITAL

*PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHANITA MUDA*

28 JUN 2025 | SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC) | 11.00 PAGI

Rakan Kolaborasi

MBI Menteri Besar Selangor Incorporated · Sidec Chase Your Dreams · Yayasan Peneraju · Hijrah Selangor

# PELAKSANAAN & SOROTAN

**Tarikh: 28 Jun 2025**
**Lokasi: Shah Alam Convention Centre (SACC)**

Sesi Pitching Usahanita Digital 2.0 telah menghimpunkan seramai 40 usahawan wanita terpilih yang diberi peluang untuk membentangkan idea dan pelan perniagaan masing-masing secara langsung di hadapan panel penilai profesional.

Pembentangan peserta merangkumi lima komponen utama:

- Demonstrasi laman sesawang perniagaan (live demo)
- Teknik pemasaran digital
- Strategi jualan
- Perancangan pembiayaan geran padanan
- Pembentangan Business Model Canvas (BMC)

Matlamat utama sesi ini adalah untuk menilai kebolehan peserta dalam:

- Mengurus perniagaan secara bersepadu
- Mengaplikasikan teknologi digital dengan berkesan
- Merangka strategi pertumbuhan yang mampan dan berdaya saing



## Panel Penilai Profesional

Bagi memastikan penilaian berjalan lancar dan mendalam, sesi pitching dibahagikan kepada dua bilik penilaian yang melibatkan wakil-wakil daripada organisasi strategik seperti Yayasan Hijrah, AppEngage, MBI, Wakaf Khadijah Foundation, Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (SIDEC) dan Mardi Corporation.

### Bilik 1

- Puan Elyani Iza binti Zuber – Yayasan Hijrah Selangor
- Tuan Tan Wei Kiat – AppEngage Sdn Bhd
- Hajah Mazlina Binti Saidi – Wakaf Khadijah Foundation
- Puan Wan Nur Amalina – Mardi Corporation
- Tuan Kenneth Sam – Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI)

### Bilik 2

- Puan Saidatul Noor Atikah – Yayasan Hijrah Selangor
- Tuan David – AppEngage Sdn Bhd
- Puan Dania – Selangor Information Technology & Digital
- Economy Corporation (SIDEC)
  Puan Afiqah – Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI)
- Tuan Mohamad Ikhwan bin Mohamad Saufi – Mardi Corporation

# PANEL PENILAI SESI PITCHING





# DISEBALIK LENSA



# 10 Finalis *Usahanita Digital*

**Zanariah Binti Abdullah**



**Wan Norliza Binti Wan Bidin**



**Nor Farah Fazrita**



**Nurul Shamira Binti Mohd Rosli**



**Thenmoli A/P Balachandran**



**Adibah Binti Nor Mokles**



**Norzanah Binti Termiji**



**Husna Amirah Menon**



**Arifah Binti Abdul Wahab**



**Siti Masayu Binti Johara**



# 10 Laman Sesawang *Usahanita Digital*

Zanariah Binti Abdullah
Gold Buroq Global (Sambal Ikan Talang Masin)





# 10 Laman Sesawang *Usahanita Digital*

**Wan Norliza Binti Wan Bidin**
**Tia Zalikha Trading (Telekung)**





# 10 Laman Sesawang *Usahanita Digital*

Nor Farah Fazrita
Kay Ell Enterprise (Spa & Salun Kecantikan)





# 10 Laman Sesawang

## *Usahanita Digital*

Nurul Shamira Binti Mohd Rosli
MBF Enterprise (Produk Kraf Tangan)





# 10 Laman Sesawang *Usahanita Digital*

**Thenmoli A/P Balachandran**
**Molly Cookies (Kek dan Biskut)**





# 10 Laman Sesawang *Usahanita Digital*

Adibah Binti Nor Mokles
KC Eductech Sdn Bhd (Perkhidmatan Pengurusan Kewangan)





# 10 Laman Sesawang *Usahanita Digital*

**Norzanah Binti Termiji**
**CR Precious Kitchen (Hidangan Ayam Peri-Peri & Sos)**





# 10 Laman Sesawang *Usahanita Digital*

**Husna Amirah Menon**
**Happy Hive Serdang Jaya (Tadika)**





# 10 Laman Sesawang *Usahanita Digital*

Arifah Binti Abdul Wahab
Nusra Asia Enterprise (Barang Hiasan Rumah)





# 10 Laman Sesawang *Usahanita Digital*

Siti Masayu Binti Johara
GKMY Global (Produk Penjagaan Haiwan Peliharaan)





# Sorotan Usahanita Digital
































# SEKALUNG PENGHARGAAN

## SUMBANGAN PRODUK SEBAGAI HADIAH CABUTAN BERTUAH SESI PITCHING

- Nadiatul Syafiqah Sukaimi (Nady Niaga)
- Juriah Julaihi (Lentooq Malaysia)
- Wan Norliza Wan Bidin (Tia Zalikha)
- Maimunah Baba (Ulik Jemari)
- Amanda Ayu Ardilla (Butik Zamara)
- Nur Aasima Ahmad (Pineco Enterprise)
- Nor Aini Kamaruddin (Tiffins Made With Luv)
- Nur Asiah binti Kuzaiman (Asiah Kuzaiman Enterprise)
- Nurul Syahida binti Hassan (Syahida Hassan Enterprise)
- Amelia Amira Binti Saadin (ADWE Global)
- Nur Izwa Fatin Binti Mohamed Fawzi (Zheo Lab)
- Norhafizah binti Noorizani (Aksara International Sdn Bhd)




# SEKALUNG PENGHARGAAN

## RAKAN KOLABORASI USAHANITA DIGITAL

MBI Menteri Besar Selangor Incorporated

Sideco Chase Your Dreams

Yayasan Peneraju

Hijrah Selangor

SpriiCommerce

WBS

WANITA BERDAYA SELANGOR



# SEKRETARIAT

USAHANITA DIGITAL

PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHANITA MUDA

# JAWATANKUASA USAHANITA DIGITAL

## PENASIHAT

- PUAN SITI FARIDAH BINTI ABDUL SAMAD

  Ketua Pegawai Eksekutif Wanita Berdaya Selangor

## PENGARAH PROGRAM

- PUAN NOR YASMIN BINTI SALIM

  Penolong Pengurus Unit Pembangunan Kapasiti dan Latihan

## SEKRETARIAT WBS

- PUAN NURUL IMMA BINTI MANSOR
- PUAN SITI MARIAM BINTI AMRAN
- PUAN NURHIDAYAH BINTI ABDULLAH
- PUAN NOOR SALBIAH BINTI PUTEH
- CIK AMALIA HUDA BINTI AHMAD SHUKRI
- CIK NUR HASYIKIN BINTI RAMLY
- CIK ASYRANI BINTI AMIR
- ENCIK AKMAL AZAHAR
- TENGKU MUHAMMAD AFIF TENGKU AZMI

## RAPPORTEUR

- APPENGAGE SDN BHD

## LAPORAN PROGRAM

- PUAN NURZAIYANIE BINTI AHMAD ZAINI
- CIK NORSHA SHAFINAZ BINTI AMAD DALI



WBS

WANITA BERDAYA SELANGOR

# USAHANITA DIGITAL

*PROGRAM INSENTIF DIGITAL MEDIA USAHANITA MUDA*

